

PANDUAN MEMASANG IKLAN PADA BADAN KENDERAAN BAS DAN KENDERAAN BARANGAN DAN TEKSI/KERETA SEWA

KRITERIA

1. **Siapa yang boleh memohon?**
 - Pemegang Lesen Pengendali yang sah dengan SPAD/syarikat pengiklanan.
2. **Apakah dokumen iringan yang perlu disertakan?**
 - Surat permohonan daripada pemegang Lesen Pengendali/syarikat pengiklan yang menyatakan dengan jelas nama syarikat pengiklan/jenama iklan dan tema iklan.
 - Jika perlu, salinan perjanjian kontrak dengan syarikat pengiklan yang menyatakan dengan jelas tempoh iklan akan dipasang.
 - Maklumat kenderaan yang akan dipasang dengan iklan (no. kenderaan, no. lesen dan tempoh lesen).
 - 7 salinan gambar atau lakaran grafik yang menunjukkan iklan ditampal di bahagian badan kenderaan.

GARIS PANDUAN PEMASANGAN IKLAN PADA BADAN BAS

- Iklan yang dibenarkan untuk dipamerkan hendaklah yang berkaitan dengan **pembelajaran, pemakanan kesihatan, pelancongan dan kemasyarakatan sahaja.**
- Pameran iklan dibenarkan di bahagian tepi badan bas (dari bahagian tengah bas hingga ke akhir belakang bahagian bas) dan di bahagian belakang bas.
- Bagi bas sekolah, pameran iklan di bahagian tepi bas hendaklah tidak menjejaskan tulisan **BAS SEKOLAH** sepertimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Bas Sekolah (Warna dan Tanda) 1987.
- Iklan di bahagian belakang bas hendaklah tidak menghalang lampu belakang kenderaan, had laju kenderaan dan nombor aduan SPAD.
- Nama dan alamat pemegang/pemilik lesen dan tanda BTM/BDM bagi bas yang mempunyai 18 tempat duduk dan ke atas hendaklah diletakkan di bahagian bawah kiri (pemandu) iaitu di ruang tempat meletak barang-barang manakala bagi bas yang mempunyai 12 tempat duduk dan ke bawah hendaklah diletakkan di bahagian tepi pintu.

- Pameran iklan pada semua cermin bas dan di atas bumbung tidak dibenarkan.
- Semua iklan hendaklah di dalam Bahasa Melayu dan boleh diterjemahkan ke bahasa lain dengan syarat huruf-huruf bagi perkataan-perkataan di dalam Bahasa Melayu hendaklah lebih jelas dan sekurang-kurangnya dua kali lebih besar dari bahasa-bahasa lain.
- Iklan yang telah tamat tempoh kelulusan/kontrak hendaklah ditanggalkan dan ditukarkan kembali warna kenderaan kepada warna asal (iaitu Amber bagi bas sekolah, Datsun Blue bagi bas pekerja, dan Putih dan Hijau Konifer bagi bas persiaran).

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT IKLAN DI BADAN KENDERAAN BARANGAN

- Pameran iklan dibenarkan di bahagian kiri kanan serta bahagian belakang bas kecuali pada pintu pemandu dan pintu masuk penumpang.
- Nama dan alamat pemegang/pemilik lesen dan tanda BTM/BDM hendaklah diletakkan di bahagian bawah kiri dan kanan bas iaitu di ruang tempat meletak barang-barang.
- Pameran iklan di bahagian belakang bas hendaklah tidak menghalang lampu belakang kenderaan, had laju kenderaan, nama dan logo syarikat serta nombor aduan SPAD.
- Iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu dan boleh diterjemahkan ke bahasa-bahasa lain dengan syarat huruf-huruf bagi perkataan dalam Bahasa Melayu hendaklah lebih jelas dan dua kali lebih besar daripada bahasa-bahasa lain.
- Pameran iklan di semua cermin bas tidak dibenarkan.
- Pameran iklan di bahagian dalam iaitu di belakang tempat duduk penumpang hendaklah dalam bentuk poster lembut (soft poster).

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT IKLAN DI BADAN KENDERAAN – TEKSI/KERETA

- Iklan hanya boleh dipamerkan di bahagian-bahagian berikut :
 - Di bahagian atas bumbung kereta;
 - Di akhir belakang bahagian tepi kereta; dan
 - Di bahagian dalam iaitu di belakang tempat duduk penumpang dan pemandu.
- Pameran iklan di atas bumbung kereta hendaklah dibuat dengan struktur panel seperti yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan 1959).
- Pameran iklan di belakang tempat duduk hendaklah dalam bentuk poster lembut atau cat.

- Pameran iklan di cermin-cermin kereta (selain daripada bahagian atas 20% cermin hadapan) tidak dibenarkan. Pameran di cermin hadapan hanya di hadkan kepada cogankata yang tidak berbentuk iklan dan dalam bentuk plastic strip.
- Pameran iklan di akhir belakang bahagian tepi kereta dihadkan bawah cermin pintu belakang dan di bahagian akhir tepi kereta.
- Iklan yang telah tamat tempoh kelulusan/kontrak hendaklah ditanggalkan dan ditukarkan kembali warna kenderaan kepada warna asal teksi/kereta sewa.

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT IKLAN DI BADAN KENDERAAN-KENDERAAN BARANG-BARANG

- Pameran iklan boleh dibenarkan di semua bahagian badan kenderaan sekiranya iklan tidak menjejaskan tanda-tanda BDM/BTM, nama dan alamat pemilik/pemegang lesen tanda had laju, tanda A atau C dan lain-lain tanda yang disyaratkan.
- Pameran iklan di cermin-cermin kenderaan (selain daripada bahagian atas 20% cermin hadapan) tidak dibenarkan. Pameran di cermin hadapan hanya dihadkan kepada cogankata yang tidak berbentuk iklan dan dalam bentuk plastic strip.

JENIS-JENIS IKLAN YANG TIDAK DIBENARKAN

- Iklan-iklan yang mengandungi bahan-bahan mengghairahkan dan boleh merosakkan moral serta fikiran atau menimbulkan perasaan marah di kalangan orang ramai.
- Kenyataan-kenyataan yang tidak betul dan tidak benar, mengelirukan orang ramai dan bertentangan dengan kehendak kaedah-kaedah atau undang-undang Negara yang diamalkan.
- Iklan ubat-ubatan yang tidak diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Iklan-iklan yang mempamerkan gambar-gambar lucah, kurang sopan dan ganas (sekiranya terdapat percanggahan mengenai takrif lucah dan kurang sopan maka iklan tersebut akan dirujuk kepada Kementerian).
- Iklan-iklan minuman keras dan rokok sama ada ditonjolkan secara langsung atau tidak langsung.
- Iklan-iklan perjudian.
- Iklan-iklan yang berunsur keagamaan.

- Perkara-perkara berikut, jika berbangkit akan dirujuk kepada Jabatan/Agensi yang berkaitan:
 - (a) Kementerian Dalam Negeri bagi takrifan lucah, kurang sopan dan ganas.
 - (b) Polis Diraja Malaysia bagi penentuan perkataan-perkataan sensitive dan keagamaan yang ditegah.
 - (c) Kementerian Kesihatan Malaysia bagi pameran iklan ubat-ubatan supaya mematuhi kehendak-kehendak Akta Ubat (iklan dan Penjualan 1956). No siri Kelulusan KKLlu hendaklah ditunjukkan dengan jelas di dalam iklan-iklan tersebut yang dikeluarkan oleh lembaga Iklan Ubat (KKM).

PANDUAN MEMASANG WARNA KORPORAT PADA BADAN KENDERAAN

KRITERIA

1. Siapa yang boleh memohon?

- Pihak IPTA/IPTS yang ingin menggunakan warna korporat bagi bas milik sendiri dan milik syarikat bas sekolah
- Pihak syarikat/institusi yang ingin menggunakan warna korporat bagi bas milik sendiri dan milik syarikat bas pekerja.

2. Apakah dokumen iringan yang perlu disertakan?

- Surat permohonan daripada IPTA/IPTS/ syarikat/institusi yang ingin menggunakan warna korporat bagi bas milik sendiri dan milik syarikat bas.
- Jika perlu, sertakan salinan perjanjian kontrak yang menyatakan dengan jelas tempoh kontrak serta terma-terma.
- Maklumat kenderaan yang akan diwarnakan (no. kenderaan, no. lesen dan tempoh lesen).
- 7 salinan gambar atau lakaran grafik yang menunjukkan iklan ditampal di bahagian badan kenderaan.

GARIS PANDUAN PEMASANGAN WARNA KORPORAT

- Rekabentuk/warna hendaklah diluluskan oleh IPTA/IPTS/institusi/syarikat.
- Nama IPTA/IPTS/institusi/syarikat dinyatakan dengan jelas berserta logo di kiri, kanan, hadapan dan belakang badan bas mengikut kesesuaian.